

Keputusan Majlis Tertinggi mengenai
usul ke mesyuarat agung UMNO

PEMBABITAN RAJA BOLEH DIBINCANG

Mn.M! 4 NOV 1990

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 3 Nov. —
Majlis Tertinggi (MT) UMNO tidak akan menghalang usul yang dikemukakan oleh dua bahagian UMNO di Pulau Pinang untuk membincangkan penglibatan raja-raja dalam politik dalam Perhimpunan Agung UMNO hujung bulan ini.

Presiden UMNO Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, memandangkan begitu banyak bahagian yang menyatakan pendirian mereka mengenai penglibatan raja-raja semasa pilihanraya umum baru-baru ini, MT tidak boleh menghalang mereka daripada mengemukakan usul berkenaan.

"Terpulanglah kepada mereka untuk membuat

apa sahaja usul terutama berkenaan kejadian di sebuah negeri dalam pilihanraya lalu di mana raja telah mengambil bahagian secara langsung dalam politik," tegasnya.

Beliau berkata, mengikut amalan biasa jika sesuatu usul itu dapat menarik minat ramai anggota UMNO, Jawatankuasa Penapis Usul UMNO akan mengambilkira dan menerima usul yang mengandungi semua hasrat yang ingin dibincangkan.

Jawatankuasa Penapis Usul, katanya, boleh meminda dan membentuk semula ayat-ayat untuk dibincangkan dan semasa perbahasan, perkataan-perkataan tertentu masih boleh dipinda jika usul itu didapati perlu dibincangkan atas kehendak ahli.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Menara Dato' Onn di sini ketika diminta mengulas cadangan yang dikemukakan oleh dua bahagian UMNO dari Jelutong dan Tanjung itu.

Katanya, MT dalam mesyuaratnya hari ini juga berpendapat usul berkenaan tidak perlu dihalang setelah merimbang dan menyedari akan kon-

LIHAT MUKA 4

Pembabitan raja boleh dibincang

troverasi yang dicetuskan semasa pilihanraya umum lalu.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, MT tidak akan mempengaruhi mana - mana bahagian dalam mengemukakan usul tersebut.

"Terpulanglah kepada mereka untuk membuat apa sahaja usul terutama berkenaan kejadian di sebuah negeri dalam pilihanraya yang lalu di mana raja telah mengambil

bahagian secara langsung dalam politik," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Pada 29 Oktober lalu, UMNO bahagian Jelutong dan Tanjung dalam satu kenyataan telah menyatakan bahawa mereka akan membawa satu usul untuk membincangkan campurtangan istana dalam politik dan kempen pilihanraya negara untuk dibahaskan ketika Perhimpunan Agung UMNO.

Cadangan itu telah

mendapat sambutan daripada beberapa bahagian lagi di seluruh negara di mana masing - masing turut mendesak usul yang sama dibincangkan dalam mesyuarat agung UMNO.

Dalam hubungan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, MT tidak berhasrat untuk menapis terlebih dahulu usul - usul berkenaan sebelum ia dibentangkan sebagai sebahagian daripada usul yang dibahaskan dalam

Perhimpunan Agung UMNO 30 November ini.

Beliau juga memberitahu, mesyuarat hari ini memutuskan, tarikh akhir untuk bahagian - bahagian mengadakan mesyuarat perwakilan ialah pada 18 November ini termasuk mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita bahagian.

Katanya, mesyuarat perwakilan bahagian perlu diselesaikan segera kerana ibu pejabat memerlukan penyata - pe-

nyata secepat mungkin untuk diproses sebelum bermulanya mesyuarat agung.

MT juga, katanya, memutuskan bahawa semua mesyuarat bahagian, Pemuda dan Wanita hendaklah dirasmikan oleh ketua bahagian masing - masing sahaja.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ini bukanlah untuk mengelak kempen tetapi kerana untuk memberi keadilan kepada semua pihak disebabkan kesuntukan masa.

Beliau berkata, MT juga tidak mahu bahagian menjemput pemerhati daripada kalangan mana - mana pemimpin.

"Oleh itu ahli - ahli MT tidak akan merasmikan mana - mana mesyuarat bahagian kecuali di bahagian masing - masing dan saya sendiri akan merasmikan mesyuarat bahagian Kubang Pasu.

"Bagaimanapun, bahagian - bahagian di Wilayah Persekutuan dikesualikan di mana Encik Ghafor Baba sebagai Ketua Perhubungan akan membuka mesyuarat tujuh bahagian serentak," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.